



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

Kenyataan Akhbar

14 Oktober 2020

## Perkhidmatan Feri Pulau Pinang Terhenti Lagi, Penumpang Jadi Mangsa

Pengendali ferri Pulau Pinang perlu dipertanggungjawabkan terhadap gangguan berulang kali perkhidmatan ferri, terbaharu ialah pada 14 Oktober 2020. Ferri yang penuh dengan muatan penumpang yang tiba dari Butterworth ke Pulau Pinang tidak dapat berlabuh seperti yang diberitahu bahawa ferri yang sepatutnya berlepas tidak dapat berbuat demikian apabila tanjakan di terminal tidak berfungsi.

Lebih mengecewakan kepada ramai penumpang ferri ialah mereka diberitahu bahawa tanjakan ferri itu rosak ketika waktu puncak pada pagi ini. Ferri yang dipenuhi penumpang itu terpaksa berpatah balik ke Butterworth dan menunggu bas Rapid untuk mengangkut penumpang ke destinasi mereka.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) merasa hairan kenapa hanya satu tanjakan yang berfungsi bukan dua. Sebarang kerosakan tanjakan yang ada sudah pasti mengakibatkan pelbagai masalah. Kenapa pengendali ferri tidak memastikan semua tanjakan dalam keadaan baik memandangkan mereka seharusnya menyedari akan kesannya jika berlaku sebarang kerosakan?

Ramai daripada penumpang ferri ini dalam perjalanan untuk ke tempat kerja dan akibat daripada pengendali ferri yang tidak cekap, ramai daripada mereka terpaksa mengambil cuti kecemasan yang menyebabkan rasa tidak senang pihak majikan mereka dan sesetengahnya mungkin diberikan surat amaran. Selain itu, produktiviti akan jatuh dan menyusahkan majikan yang terpaksa menjadualkan semula tugas pekerja mereka.

MOHIDEEN ABDUL KADER  
Presiden  
Persatuan Pengguna Pulau Pinang